

**PRAKTIS DAKWAH OLEH ORGANISASI
DAKWAH KERAJAAN DAN BADAN DAKWAH BUKAN
KERAJAAN TERHADAP ETNIK PENAN
DI BINTULU SARAWAK**

Ahmad Nasir Mohd Yusoff

ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah berkaitan praktis dakwah organisasi dakwah kerajaan dan badan dakwah bukan kerajaan (NGO) terhadap etnik Penan di Bintulu Sarawak. Tujuan artikel ini pertama, mengkaji pendekatan dakwah oleh badan-badan dakwah yang terlibat secara langsung di Bahagian Bintulu dan Kuching. Kedua, menganalisis pendekatan dakwah yang dipraktikkan. Ketiga, mengenalpasti permasalahan, reaksi dan keberkesanan pendekatan dakwah. Keempat, memberi cadangan yang sesuai kepada organisasi dakwah dalam mendekati etnik Penan khususnya dan etnik lain di Serawak. Kajian ini berbentuk kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan dijalankan untuk melihat perkembangan Islam di Bintulu dan Sarawak dan organisasi dakwah yang terlibat. Melalui kajian lapangan pengkaji menggunakan borang soal selidik, pemerhatian, kunjungan ke lokasi kajian dan temubual bersama kader-kader dakwah. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan mereka tentang aspek pendakwaan berada pada tahap yang tinggi, badan-badan dakwah berjaya mendekati saudara baru dengan kaedah dan pendekatan pelbagai. Manakala Dalam aspek metodologi dakwah dapat diklasifikasikan kepada dakwah umum, dakwah alternatif dan dakwah moden berdasarkan kesesuaian sasaran. Kajian juga menunjukkan bahawa para pendakwah dan organisasi dakwah berjaya melaksanakan tugas dakwah dengan baik.

Kata Kunci : Organisasi Dakwah, Penan, Bintulu, Pendekatan, Permasalahan

**PREACHING PRACTICAL BY GOVERNMENT
ORGANIZATIONS PREACHING AND NON-
GOVERNMENTAL ORGANIZATIONS AMONG PENAN
ETHNIC IN BINTULU SARAWAK**

ABSTRACT

This article is related to the preaching practical by organizations government preaching and non-government organizations (NGOs) among the ethnic of Penan in Bintulu, Sarawak. Firstly, this study aims to review approaches preaching by missionary bodies directly involved in Bintulu and Kuching. Second, to analyze the preaching approach practiced by them. Third, to identify problems, reactions and effectiveness of preaching approach by preachers and NGO. Fourth, to give appropriate recommendations to the preaching organizations in approaching the indogenous ethnic groups, especially the Penan in Sarawak. This study combines between library and field. The library study aims to collect the information about the developments and the spread of Islam in Sarawak and Bintulu and the involvement of the preaching organizations. While the field studies aims to determine the extent of the organization's approach and contribution in spreading the message of Islam, the problems and reactions received and the effectiveness of the respondents obtained. Several other methods are also used to study much quality as distributing questionnaires, observation, site visits and interviews with the cadres of preaching. Generally, the study found that their knowledge in term of preaching aspect is at a high level. It seem that the organizations has successfully approached the new muslim with a variety of methods. While in the aspect of preaching, it can be classified to the general propaganda, propaganda, modern propaganda based alternative and suitability target. This studies have also shown that the preachers and preaching organizations successfully perform their mission tasks well.

Keywords: *preaching organization, penan, bintulu, approaches, issues*

PENDAHULUAN

Sarawak terkenal sebagai negeri berbilang kaum dan majmuk, memiliki etnik, agama, adat resam, budaya serta bahasa yang berbeza. Masyarakat Penan yang menjadi fokus kajian ini berjumlah lebih kurang 16,000 orang dan mendiami bahagian Kapit, Miri, Bintulu dan Limbang. (SUHAKAM. 2007). Walaupun jumlah mereka tidak sampai satu peratus keseluruhan penduduk Malaysia, namun usaha memberi kefahaman tentang Islam secara aktif perlu dilakukan. Menurut Prof. Dr. Muda @ Ismail Abd.Rahman, setiap pendakwah Islam perlu

memahami adat resam dan tradisi etnik Sarawak seperti perayaan Gawai bagi masyarakat Dayak bertujuan menarik minat kepada Islam. Beberapa pendekatan lain juga wajar difahami seperti amalan menziarahi penempatan kaum peribumi. Dalam budaya masyarakat Iban, mereka suka menerima tetamu dan pihak yang menziarahi perkampungan atau rumah panjang mereka. Setiap pendakwah diharapkan memiliki nilai-nilai murni yang baik, faham bahasa tempatan, menghormati adat dan budaya tempatan, bijak bergaul, menguasai disiplin ilmu agama dengan baik, bersopan santun, berbudi bahasa, sabar dan rajin. Ini kerana masih ramai masyarakat peribumi yang menganut kepercayaan asal nenek moyang. Dalam membuat analisa data, pengkaji membahagikannya kepada beberapa persoalan. Ini bertujuan supaya data yang diperoleh akan dapat diolah dan dihuraikan dengan jelas. Antara persoalan yang dibincangkan adalah kriteria dan pengetahuan yang perlu dimiliki pendakwah, pengetahuan kader-kader dakwah dalam aspek dakwah, pendekatan dan metodologi dakwah yang dipraktikan., pengisian dan kekerapan aktiviti dakwah oleh organisasi dakwah, masalah yang dihadapi para pendakwah atau badan dakwah kerajaan dan NGO dan keberkesanan dakwah yang diterima masyarakat Penan sama ada sebelum atau selepas kedatangan para pendakwah atau badan-badan dakwah

Demografi Responden

Jadual 1 : Umur Responden

Bil	UMUR RESPONDEN	Bil	%
1	9-18	1	1
2	19-28	48	29
3	29-38	58	35
4	39-48	32	19
5	49-55	22	13
6	>55	6	3
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 1 menunjukkan responden (pendakwah) terdiri daripada berbagai-bagai peringkat usia dan berumur di antara 9 hingga 55 tahun ke atas. Hampir sebahagian atau 35.0 % daripada mereka berumur di antara 29 hingga 38 tahun, diikuti dengan mereka yang berumur 19 hingga 18 tahun 29.0 %, 39 hingga 48 tahun 19.0 %, 49 hingga 55 tahun 13.0 %, 55 tahun ke atas 3.0 % dan 9 hingga 18 tahun 1.0 %.

Jadual 2 : Jantian Responden

Bil	JANTINA RESPONDEN	Bil	%
1	Lelaki	108	65
2	Perempuan	59	35
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 2 menunjukkan seramai 108 orang atau 65.0 % responden adalah lelaki dan 59 orang atau 35.0 % responden adalah perempuan. Ini menunjukkan responden lelaki melebihi responden perempuan.

Jadual 3 : Tahap Pendidikan Responden

Bil	Pendidikan	Bil	%
1	SRP / PMR	4	2
2	SPM / SPMV	25	15
3	STPM	21	13
4	MAKTAB	37	22
5	UNIVERSITI	80	48
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 3 berkaitan tahap pendidikan responden. Peratusan menunjukkan responden yang memiliki ijazah daripada universiti jauh lebih ramai dari yang sebaliknya iaitu 48.0 % berbanding dengan lulusan Diploma daripada Maktab/Politeknik iaitu 22.2 %. Dalam kalangan mereka yang mendapat sijil tertinggi persekolahan, responden yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional adalah paling tinggi iaitu 15.0 % diikuti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia 13.0 %. Hanya sebilangan kecil yang memiliki SRP / PMR iaitu 2.0 %. (Jadual 3)

Jadual 4 : Perkahwinan

Bil	Pendidikan	Bil	%
1	Bujang	62	37
2	Berkahwin	105	63
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 4 di atas menunjukkan peratusan lebih tinggi iaitu seramai 63.0 % atau 105 orang responden terdiri daripada mereka yang telah

berkahwin berbanding responden yang bujang iaitu 37.0 % atau 62 orang.

Jadual 5. : Organisasi Tempat Bekerja

Organisasi	Bilangan	Peratus
JAKIM Kuching	30	18.0
JAIS Bintulu	11	6.6
Guru Agama SMK	17	10.2
Guru Agama SRK	12	7.2
BPI Bintulu	4	2.4
JIM	15	9.0
Jemaah Tabligh	7	4.2
MACMA	3	1.8
Institusi Masjid	11	6.6
PERKIM	1	.6
HIKMAH Bintulu	8	4.8
Baitulmal	3	1.8
Guru agama JQAF	21	12.6
MAD'U	24	14.4
JUMLAH	167	100.0

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 5 di atas menunjukkan responden yang bekerja dengan JAKIM seramai 30 orang (%), JAIS seramai 11 orang (%), Guru Agama SMK seramai 17 orang (%), Guru Agama SRK seramai 12 orang (%), BPI seramai 4 orang (%), JIM seramai 15 orang (%), Jemaah Tabligh seramai 7 orang (%), MACMA seramai 3 orang (%), Institusi Masjid seramai 11 orang (%), PERKIM seramai 1 orang (%), HIKMAH Bintulu seramai 8 orang (%), Baitul Mal seramai 3 orang (%), Guru JQAF seramai 21 orang (%) dan MADU seramai 24 orang (%).

Pengetahuan Para Da'ie Terhadap Konsep Dakwah

Pengkaji mengemukakan soalan berkaitan konsep dakwah kepada para pendakwah dan badan-badan dakwah) bagi mengetahui tahap pengetahuan tentang tugas-tugas berdakwah dan kewajipan berdakwah. Soalan-soalan yang diajukan meliputi perkara-perkara asas dakwah seperti tugas berdakwah, tanggungjawab badan-badan dakwah

dan kriteria pendakwah. Dapatan kajian boleh dilihat dalam Jadual 6 di bawah :

Jadual 6 : Ciri Kriteria dan Tahap Pengetahuan Pendakwah

Bil	Kriteria Pendakwah	Ya (%)	Tidak (%)
1	Memahami tanggungjawab berdakwah	89.8	10.2
2	Keperluan bekerjasama dengan badan dakwah lain	71.9	28.1
3	Memiliki keperibadian/akhlak yang tinggi	45.5	54.5
4	Menguasai metodologi dakwah bil hal dan bil naqli	40.7	59.3
5	Menguasai bahasa-bahasa etnik tempatan	29.9	70.1
6	Memahami budaya/adat resam tempatan	49.7	50.3
7	Mengetahui halangan/ancaman Kristian	47.3	52.7

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 6 menunjukkan 89.8 % responden menyatakan memahami tanggungjawab berdakwah. Sebanyak 71.9 % responden menyatakan keperluan bekerjasama dengan badan-badan dakwah lain dan sebanyak 49.7 % menyatakan perlu memahami budaya serta adat resam tempatan. Dapatan juga menunjukkan peratusan yang tinggi responden perlu mengetahui halangan atau ancaman Kristian 47.3 %, memiliki keperibadian atau akhlak yang tinggi 45.5 %, menguasai metodologi dakwah bil hal dan bil naqli 40.7 % serta menguasai bahasa-bahasa etnik tempatan 29.9 %. Ini menunjukkan secara khusus responden menyatakan mengetahui kewajipan berdakwah dan memiliki pengetahuan dakwah yang dinamik dan sesuai dengan situasi semasa.

ANALISIS DAPATAN

Kajian ini bertujuan melihat pendekatan dan metodologi badan-badan dakwah mengikut keutamaan dan yang dipraktikkan pada masa sekarang. Pengkaji mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan bentuk-bentuk dakwah dan pendekatan yang dipraktikkan badan-badan dakwah Bahagian Bintulu, iaitu :Dakwah Umum, Dakwah Alternatif dan Dakwah Moden.

Pendekatan Dakwah

Berhubung dengan dakwah umum, sebanyak tujuh pendekatan dakwah telah dilakukan dalam usaha menarik minat masyarakat Penan kepada Islam iaitu nasihat dan ajakan, perbincangan, perbuatan, kebendaan atau material, contoh teladan, bimbingan al Qur'an dan bimbingan solat. Dapatan kajian seperti dalam Jadual 7.

1) Dakwah Umum

Jadual 7: Pendekatan Dakwah Umum

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Nasihat dan ajakan	82.0	18.0
2	Perbincangan	68.9	31.1
3	Perbuatan	51.5	48.5
4	Kebendaan / Material	14.4	85.6
5	Contoh teladan	41.3	58.7
6	Bimbingan al-Quran	43.7	56.3
7	Bimbingan solat	44.3	55.7

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 7 menunjukkan peratusan tertinggi ialah pendekatan melalui nasihat dengan nilai peratusan 82.0 %, diikuti pendekatan melalui perbincangan 68.9 %, perbuatan 51.5 %, bimbingan solat 44.3 %, bimbingan al Qur'an 43.7 % dan contoh teladan 41.3 %. Ini menunjukkan enam pendekatan yang paling cenderung digunakan responden iaitu pendekatan melalui nasihat, diikuti pendekatan melalui perbincangan, perbuatan, bimbingan solat dan bimbingan al Qur'an. Sementara kebendaan atau material adalah termasuk dalam senarai pendekatan yang kurang cenderung digunakan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara enam pendekatan teratas tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara enam pendekatan tersebut dengan pendekatan melalui contoh teladan, bimbingan solat dan bimbingan al Qur'an.

2) Dakwah Alternatif

Berhubung dengan dakwah alternatif, sebanyak tujuh soalan yang mengandungi kategori pendekatan dakwah alternatif iaitu melalui sistem pendidikan, sistem ekonomi (bantuan kewangan), tindakan susulan kepada penganut baharu, mengajar cara kehidupan yang lebih moden, memahami adat resam atau tradisi tempatan, hidup bersama

mad'u (sasaran dakwah) dan perkahwinan campur. Dapatan kajian dapat dilihat dalam Jadual 8 berikut:

Jadual 8 : Pendekatan Dakwah Alternatif

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Sistem pendidikan	68.3	31.7
2	Sistem ekonomi (bantuan kewangan)	34.1	65.9
3	Tindakan susulan kepada penganut baru	58.1	41.9
4	Ajar cara kehidupan lebih moden	25.1	74.9
5	Fahami adat resam / tradisi tempatan	43.1	56.9
6	Hidup bersama <i>mad'u</i>	47.3	52.7
7	Kahwin campur	46.1	53.9

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 8 menunjukkan pendekatan melalui sistem pendidikan adalah tertinggi iaitu 68.3 %, diikuti pendekatan melalui tindakan susulan kepada penganut baru 58.1 %, hidup bersama *mad'u* (sasaran dakwah) iaitu 47.3 %, kahwin campur 46.1 % dan fahami adat resam atau tradisi tempatan 43.1 %. Ini menunjukkan lima pendekatan yang paling cenderung yang boleh digunakan oleh badan-badan dakwah adalah melalui sistem pendidikan, tindakan susulan kepada penganut baharu, hidup bersama *mad'u*, perkahwinan campur dan memahami adat resam atau tradisi tempatan. Perhatian juga boleh diambil terhadap pendekatan melalui sistem ekonomi dalam bentuk bantuan kewangan iaitu 34.1 % dan mengajar responden cara kehidupan yang lebih baik (moden) iaitu 25.1 %.

3) Dakwah Moden

Berhubung dengan dakwah moden, sebanyak 10 soalan yang mengandungi kategori pendekatan moden iaitu melalui program lawatan dan ziarah, menjadi keluarga angkat, mengadakan malam kesenian Islam dan menyang tayangan video/cd/dvd, gotong royong, sukaneka dan sukan, menyelia khidmat kesihatan, mengadakan majlis dialog dan ramah mesra, program motivasi, perkahwinan merentasi budaya / silang budaya dan memberi latihan kepada pendakwah berdasarkan suku etnik telah diajukan kepada responden. Dapatan kajian boleh dilihat dalam Jadual 9.

Jadual 9 : Pendekatan Dakwah Moden

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Program lawatan / ziarah	87.4	12.6
2	Keluarga angkat	58.1	41.9
3	Malam kesenian dan tayangan video	20.4	79.6
4	Gotong royong	44.3	55.7
5	Sukaneka dan sukan	38.9	61.1
6	Khidmat kesihatan	42.5	57.5
7	Majlis dialog dan ramah mesra	43.7	56.3
8	Program motivasi	51.5	48.5
9	Perkahwinan merentasi budaya / silang budaya	30.5	69.5
10	Mewujudkan pendakwah dari kalangan etnik Penan	58.7	41.3

Sumber : Soal Selidik 6

Jadual 9 menunjukkan pendekatan dakwah yang berkonsepkan dakwah moden atau kontemporari. Peratusan tertinggi adalah pendekatan melalui program lawatan / ziarah dengan nilai 87.4 %, diikuti pendekatan melalui mewujudkan pendakwah dari kalangan etnik Penan sendiri iaitu 58.7 %, keluarga angkat 58.1 %, program motivasi 51.5 %, gotong royong 44.3 %, majlis dialog dan ramah mesra 43.7 % dan khidmat kesihatan 42.5 %. Ini menunjukkan tujuh pembaharuan pendekatan yang paling cenderung dan boleh digunakan oleh responden. Sementara sukaneka /sukan, perkahwinan merentasi budaya /silang budaya, mengadakan malam kesenian dan tayangan video termasuk dalam senarai pendekatan yang kurang cenderung. Walau bagaimanapun pada pengamatan pengkaji meskipun ia kurang cenderung digunakan tetapi jika dilaksanakan dengan sistematik dan terurus pengkaji yakin sambutan yang diberikan oleh responden adalah menggalakkan.

Pengisian Dakwah

Turut dikemukakan oleh pengkaji berkaitan isu-isu pengisian dakwah yang perlu ditekankan oleh badan-badan dakwah semasa menjalankan tugas penyampaian dan pengetahuan Islam kepada sasaran dakwah dan saudara kita. Dapatan kajian boleh dilihat dalam Jadual 10 berikut :

Jadual 10 : Pengisian dakwah

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Ceramah agama	86.2	13.8
2	Kursus ibadah	75.4	24.6
3	Kursus membaca al-Quran dan tajwid	46.1	53.9
4	Aktiviti kemasyarakatan / menderma darah	41.9	58.1
5	Kempen kesedaran Islam	40.7	59.3
6	Kuliah saudara baru	43.7	56.3
7	Malam kesenian Islam	25.7	74.3
8	Aktiviti kebajikan	38.3	61.7

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 9 menunjukkan persepsi responden lebih cenderung (minat) menyatakan program berbentuk ceramah agama adalah tertinggi iaitu 86.2 %, diikuti kursus-kursus ibadah 75.4 %, kursus membaca al Qur'an dan Tajwid 46.1 %, kuliah saudara baru 43.7 %, aktiviti kemasyarakatan seperti menderma darah 41.9 %, kempen kesedaran Islam 40.7 % dan aktiviti kebajikan 38.3 %. Ini menunjukkan tujuh pengisian dakwah yang paling cenderung digunakan oleh responden iaitu pengisian ceramah agama, kursus ibadah, membaca al Qur'an dan Tajwid, kuliah saudara baru dan aktiviti kebajikan. Sementara malam kesenian Islam (25.7 %) termasuk dalam senarai pengisian dakwah yang kurang cenderung digunakan. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara tujuh pengisian dakwah teratas tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara 7 pengisian dakwah tersebut dengan pengisian dakwah melalui malam kesenian Islam

Kekerapan Aktiviti Dakwah

Bagi memastikan sama ada badan-badan dakwah menunaikan tanggungjawab berdakwah atau sebaliknya responden ditanya melalui kekerapan aktiviti yang dijalankan. Dapatan kajian boleh dilihat dalam Jadual 11.

Jadual 11: Kekerapan Aktiviti Dakwah

Bil	Kekerapan Aktiviti Dakwah	Bil	%
1	Sebulan sekali	48	29
2	2 kali sebulan	42	25
3	Jarang-jarang	42	25
4	Seminggu sekali	19	11

5	2 hingga 3 kali seminggu	13	8
6	Setiap hari	3	2
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 11 menunjukkan tentang penglibatan dan komitmen badan-badan dakwah dalam menjalankan aktiviti dakwah. Dapatan menunjukkan persepsi responden adalah sebulan sekali iaitu 29.34 %, 2 kali sebulan 25.15 %, jarang-jarang 25.15 %, seminggu sekali 10.78 %, 2 hingga 3 kali seminggu 7.78 % dan setiap hari 1.8 %. Ini menunjukkan secara umum badan –badan dakwah telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berkala sama ada di lakukan mengikut bulanan, mingguan dan harian.

Bidang Yang Lebih Menonjol

Jadual 12 : Bidang Yang Lebih Menonjol Dalam Aspek Dakwah

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Dakwah	52.7	47.3
2	Pendidikan	56.9	43.1
3	Kemasyarakatan	57.5	42.5
4	Politik	7.8	92.2
5	Ekonomi	3.0	97.0

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 12 di atas menunjukkan peratusan tertinggi dan lebih menonjol adalah dakwah dalam bidang kemasyarakatan yang dilakukan oleh badan-badan dakwah 57.5 %, diikuti pendidikan 56.9 % dan dakwah 52.7 %. Ini menunjukkan tiga bidang dakwah yang paling menonjol dilaksanakan oleh badan-badan dakwah adalah bidang kemasyarakatan, pendidikan dan dakwah. Sementara bidang politik dan ekonomi adalah termasuk dalam senarai bidang dakwah yang kurang menonjol. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara tiga bidang teratas tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara tiga bidang tersebut dengan bidang politik dan ekonomi.

Reaksi Masyarakat Terhadap Usaha Dakwah Badan-Badan Dakwah.

**Jadual 13: Reaksi Masyarakat Terhadap Peranan
Badan-badan Dakwah**

Bil	Usaha Badan Dakwah Dakwah	Bil	%
1	Amat Setuju	49	29
2	Setuju	115	69
3	Tidak setuju	3	2
Jumlah		167	100

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 13 menunjukkan responden memberikan pandangan amat setuju dan setuju usaha badan-badan dakwah Bahagian Bintulu membantu perkembangan Islam iaitu sebanyak 164 responden iaitu 98.0 %. Peratusan ini sangat tinggi berbanding dengan responden yang menyatakan tidak setuju sebanyak 1.8 % atau 3 responden sahaja. Berdasarkan temubual bersama responden yang menyatakan tidak setuju faktor badan-badan dakwah Bahagian Bintulu berperanan dalam mengembangkan Islam antaranya kurang tindakan susulan selepas mengislamkan 'saudara baru' seperti yang berlaku di kampung-kampung Penan, kemudahan surau tidak mencukupi dalam aspek bekalan buku-buku agama, prasarana dalam surau dan luar. begitu juga dengan kekurangan tenaga pengajar yang sanggup berada di perkampungan mereka bagi mendidik serta memastikan akidah anak-anak mereka terjaga. Keperluan kelengkapan lain seperti bantuan kewangan untuk pembelian peralatan sembahyang dan al Quran untuk anak-anak dan ibu bapa yang telah lama menganut Islam.

**Kategori Pendakwah yang Mudah Didekati / Disenangi Mad'u
(Sasaran Dakwah)**

Jadual 14 : Pendakwah / Orang yang Denang Didekati

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Mubaligh / pendakwah	50.3	49.7
2	Imam	56.3	43.7
3	Guru Agama daripada etnik masing-masing	47.3	52.7
4	Guru Agama lantikan kerajaan	45.5	54.5
5	Ketua Kampung	38.9	61.1
6	Ketua Masyarakat	27.5	72.5
7	Temenggung	16.8	83.2
8	Pemanca	15.6	84.4
9	Ketua Kaum	22.2	77.8

10	Sanak saudara yang telak memeluk Islam	15.6	84.4
11	Rakan-rakan	23.4	76.6

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 16 menunjukkan peratusan tertinggi adalah imam merupakan orang yang senang didekati 56.3 %, diikuti mubaligh atau pendakwah 50.3 %, guru agama daripada etnik masing-masing 47.3 %, guru agama lantikan kerajaan 45.5 %, ketua kampung 38.9 % dan ketua masyarakat 27.5 %. Ini menunjukkan enam kategori manusia yang paling senang didekati oleh responden adalah imam, mubaligh / pendakwah, guru agama daripada etnik masing-masing, guru agama lantikan kerajaan, Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat. Sementara Temenggung, Pemanca, Ketua kaum, sanak saudara yang telah memeluk Islam dan rakan-rakan adalah termasuk dalam kategori manusia yang kurang senang didekati. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara enam kategori manusia yang senang didekati di atas. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara enam kategori manusia yang senang didekati di atas dengan Temenggung, Pemanca, Ketua kaum, sanak saudara yang telah memeluk Islam dan rakan-rakan

Permasalahan yang Dihadapi Pendakwah dan Badan-badan Dakwah

Masalah adalah antara faktor yang boleh mengganggu kelancaran proses berdakwah atau menyebabkan penyampaian dakwah kepada sasaran (mad'u) menjadi kurang berkesan. Pengkaji telah menganalisis masalah yang dihadapi responden termasuk reaksi atau sikap badan-badan dakwah dan sasaran (etnik Penan). Beberapa andaian atau kemungkinan masalah telah diajukan kepada responden. Dapatan kajian dibahagikan kepada masalah dalaman individu pendakwah dan masalah reaksi atau sikap pendakwah

Masalah Dalaman Individu Pendakwah

Responden telah diajukan dengan 9 andaian atau kemungkinan masalah yang mereka hadapi. Masalah tersebut adalah kedudukan atau lokasi dakwah yang jauh, tiada peruntukan yang disediakan seperti kemudahan pengangkutan, bayaran elaun, bantuan kepada saudara baru, masalah keluarga, terlibat dengan tugas-tugas pentadbiran /luar, kekangan /kekurangan kakitangan, jahil dengan ilmu dakwah, tiada kursus /program/ latihan dakwah, tiada kerjasama baik daripada etnik

mad'u (sasaran dakwah) dan terima ugutan daripada agama/kepercayaan lain. Dapat kajian boleh dilihat dalam Jadual 15.

Jadual 15 : Cabaran dan Masalah

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Lokasi dakwah jauh	72.5	27.5
2	Tiada peruntukan disediakan	38.3	61.7
3	Masalah keluarga	13.8	86.2
4	Terlibat dengan tugas luar / pentadbiran	37.7	62.3
5	Kekurangan kakitangan	40.1	59.9
6	Jahil dengan ilmu dakwah	13.8	86.2
7	Tiada kursus/latihan dakwah	19.2	80.8
8	Tiada kerjasama daripada etnik mad'u	7.8	92.2
9	Terima ugutan dari agama Kristian/kepercayaan lain	5.4	94.6

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 15 menunjukkan, peratusan yang tertinggi ialah lokasi dakwah yang jauh dengan nilai 72.5 %, diikuti kekurangan kakitangan 40.1 %, tiada peruntukan disediakan 38.3 % dan terlibat dengan tugas-tugas pentadbiran atau luar 37.7 %. Sementara nilai peratusan terendah adalah tiada kursus atau latihan dakwah 19.2 %, diikuti masalah keluarga 13.8 %, jahil dengan ilmu dakwah 13.8 %, tiada kerjasama daripada etnik sasaran (mad'u) 7.8 % dan terima ugutan dari agama Kristian atau kepercayaan lain 5.4 %. Berdasarkan semua nilai peratusan tersebut, empat masalah utama yang dihadapi kebanyakan responden adalah lokasi dakwah yang jauh diikuti dengan kekurangan kakitangan, tiada peruntukan disediakan dan terlibat dengan tugas-tugas pentadbiran atau luar. Manakala tiada kursus atau latihan dakwah, masalah keluarga, jahil dengan ilmu dakwah, tiada kerjasama daripada sasaran dakwah (mad'u) dan terima ugutan daripada agama Kristian atau kepercayaan lain tidak termasuk dalam kategori masalah utama yang dihadapi kebanyakan responden. Namun begitu sebahagian mereka ada yang menghadapi masalah tersebut walaupun ia kurang utama.

Masalah Reaksi Atau Sikap Pendakwah

Dapatan berkaitan masalah yang dikaji dalam bahagian ini dibahagikan kepada dua iaitu reaksi atau sikap etnik Penan / etnik-etnik lain yang diajak kepada Islam dan reaksi atau sikap responden sendiri (kader-

kader / badan-badan dakwah) ketika menjalankan tugas-tugas dakwah kepada etnik Penan / etnik-etnik lain yang tidak mahu menerima Islam

Reaksi Atau Sikap Etnik Penan

Kader-Kader dakwah dan badan-badan dakwah dikemukakan dengan soalan berkaitan dengan reaksi atau sikap yang mereka terima sepanjang proses pendakwaan berlangsung daripada sasaran dakwah (mad'u) itu sendiri. Ia bertujuan mengkaji sikap atau respon yang diberikan oleh sasaran dakwah (mad'u) terhadap usaha badan-badan dakwah yang mungkin menyukarkan responden (mad'u) untuk menerima Islam (dakwah). Mereka telah diminta memberikan jawapan berkaitan enam reaksi yang dikemukakan iaitu memperbaiki diri, menerima dengan hati terbuka, berdiam diri, marah/ merungut, meninggalkan animisme dan meninggalkan agama. Dapatan kajian boleh dilihat dalam Jadual 16 berikut:

Jadual 16 : Reaksi / Sikap Ketika Diajak Masuk Islam

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Memperbaiki diri	37.7	62.3
2	Menerima dengan hati terbuka	31.7	68.3
3	Berdiam diri	37.1	62.9
4	Marah / merungut	13.8	86.2
5	Meninggalkan animisme	13.2	86.8
6	Meninggalkan agama Kristian	7.8	92.2

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 16 menunjukkan peratusan reaksi atau sikap yang tertinggi adalah memperbaiki diri dan berdiam diri, masing-masing menunjukkan nilai yang sama iaitu 37.7 % diikuti menerima dengan hati terbuka 31.7 %. Sementara peratusan terendah adalah marah /merungut 13.8 %, meninggalkan kepercayaan animisme 13.2 % dan meninggalkan agama Kristian 7.8 %. Ini menunjukkan reaksi/sikap yang paling positif iaitu mereka lebih banyak memperbaiki diri diikuti berdiam diri dan menerima dengan hati terbuka. Hanya sebahagian kecil dari kalangan etnik Penan yang menunjukkan reaksi marah/ merungut, meninggalkan animisme dan agama Kristian.

Reaksi Atau Sikap Pendakwah / Badan-badan Dakwah

Responden turut diajukan dengan soalan berkaitan reaksi mereka sekiranya sasaran (mad'u) enggan menerima dakwah. Responden telah

diminta memberikan jawapan berkaitan lima reaksi yang dikemukakan iaitu bersolat / berdoa, bersabar/ mendiamkan diri, menangis, marah atau merungut, meninggalkan tugas sebagai pendakwah atau organisasi dakwah, Dapatan kajian dapat dilihat pada Jadual 19 berikut :

Jadual 17: Reaksi / Sikap Sebagai Pendakwah

Bil	Perkara	YA (%)	TIDAK (%)
1	Bersabar / Berdiam diri	60.5	39.5
2	Meninggalkan tugas dan tanggungjawab dakwah yang diberikan	10.8	89.2
3	Marah / merungut / berdendam	0	100
4	Menangis	7.8	92.2
5	Solat / Berdoa	83.2	16.8

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 17 menunjukkan peratusan reaksi /sikap yang tertinggi adalah mengerjakan solat atau berdoa 83.2 % dan diikuti bersabar atau berdiam diri 60.5 %. Sementara peratusan yang terendah adalah meninggalkan tugas dan tanggungjawab dakwah yang diberikan 10.8 % dan menangis 7.8 % serta tiada langsung marah,merungut atau berdendam.(0.0%). Ini menunjukkan reaksi/sikap yang paling cenderung ditunjukkan atau dilakukan responden adalah tergolong dalam kategori reaksi yang positif iaitu mereka lebih banyak bersolat, berdoa diikuti dengan bersabar atau berdiam diri. Hanya sebahagian kecil responden yang meninggalkan tugas dan tanggungjawab dakwah yang diberikan, menangis dan tidak ada seorang responden pun yang marah,merungut atau berdendam. Ini menunjukkan reaksi /sikap responden yang tidak begitu memberikan kesan negatif atau buruk kepada usaha dakwah tersebut.

Keberkesanan Peranan Badan-badan Dakwah Bahagian Bintulu Sarawak

Kaji selidik telah dijalankan ke atas 167 responden yang terdiri daripada 108 lelaki dan 59 perempuan yang merupakan kakitangan kerajaan, swasta dan individu perseorangan serta pegawai-pegawai agama daripada badan-badan dakwah di Bahagian Kuching dan Bahagian Bintulu Sarawak yang terlibat secara langsung dalam prospek dakwah antaranya JAKIM, JAIS, Baitul Mal, BPI, HIKMAH, JIM, MACMA, Guru-guru pendidikan Islam SMK dan

SRK serta Guru J-QAF (Semenanjung Dan Sarawak), pegawai-pegawai masjid, Jemaah Tabligh dan kader-kader dakwah daripada MADU, Madrasah al Qur'an (MAQ), BIC dan lain-lain. Kajian mendapati seramai 164 responden memperakui kejayaan program ini dan hanya 3 responden yang tidak memberi respon atau maklumbalas terhadap peranan dan sumbangan badan-badan dakwah yang berusaha gigih berdakwah dan meneraik mereka mengamalkan Islam mengikut tuntutan syariat. Jadual 20 di bawah menunjukkan prestasi responden dan badan-badan dakwah yang berusaha menyebarkan syiar Islam di Bahagian Bintulu Sarawak.

Keberkesanan Peranan Badan-badan Dakwah

Jadual 18 : Keberkesanan Peranan Badan-badan Dakwah Sebelum dan Selepas

Bil	Perkara	Sebelum (min)	Selepas (min)
1	Penerimaan Islam	1.778	2.604
2	Kefahaman Rukun Iman	1.701	2.671
3	Kefahaman Rukun Islam	1.778	2.671
4	Kebolehan/Kemahiran Membaca Al Quran	1.617	2.557
5	Keupayaan Mengerjakan Solat	1.581	2.479
6	Kemampuan Berpuasa	1.940	2.725
7	Kemampuan Mengerjakan Haji	1.587	1.982
8	Kemampuan Mengeluarkan Zakat	1.713	2.311
9	Persepsi Etnik Bukan Islam Terhadap Islam	1.898	2.515
10	Interaksi antara etnik (Islam dan bukan Islam)	2.293	2.749
11	Hubungan antara keluarga yang berlainan agama	2.240	2.737
12	Fungsi dan peranan surau	2.341	2.892
13	Peranan-badan dakwah	2.332	2.952
14	Kebolehan pendakwah memahami bahasa dan budaya tempatan	2.515	3.012

Sumber : Soal Selidik 2016

Jadual 18 menunjukkan min yang tertinggi adalah kebolehan pendakwah memahami bahasa dan budaya tempatan 3.012 diikuti peranan badan-badan dakwah terhadap usaha dakwah di Bahagian

Bintulu Sarawak iaitu 2.952, fungsi dan peranan surau sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran ilmu pendidikan Islam 2.892, interaksi yang terjalin antara etnik Penan Islam dengan etnik Penan Islam 2.749, hubungan yang terjalin erat antara ahli keluarga yang berlainan agama 2.737, kemampuan berpuasa 2.725, kefahaman rukun iman 2.671, kefahaman rukun Islam 2.671, penerimaan Islam 2.604, kebolehan / kemahiran membaca al Qur'an 2.557, persepsi etnik Penan Bukan Islam terhadap Islam 2.515, keupayaan mengerjakan solat 2.479 dan kemampuan mengeluarkan zakat 2.311 dan min yang terendah adalah kemampuan mengerjakan haji iaitu 1.982. Ini menunjukkan tiga belas pencapaian yang paling berkesan dilaksanakan oleh badan-badan dakwah Bahagian Bintulu selepas kehadiran mereka ke perkampungan Penan meliputi kebolehan pendakwah memahami bahasa dan budaya tempatan, peranan badan-badan dakwah terhadap usaha dakwah di Bahagian Bintulu Sarawak, fungsi dan peranan surau sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran ilmu pendidikan Islam, interaksi yang terjalin antara etnik Penan Islam dengan etnik Penan Islam, hubungan yang terjalin erat antara ahli keluarga yang berlainan agama, kemampuan berpuasa, kefahaman rukun iman, kefahaman rukun Islam, penerimaan Islam, kebolehan dan kemahiran membaca al Qur'an, persepsi etnik Penan Bukan Islam terhadap Islam, keupayaan mengerjakan solat dan kemampuan mengeluarkan zakat. Sementara kemampuan mengerjakan haji adalah termasuk dalam senarai peranan badan-badan dakwah yang kurang berkesan dicapai. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara 13 aspek keberkesanan yang berjaya dicapai selepas kedatangan badan-badan dakwah ke perkampungan Penan. Walau bagaimanapun perbezaan yang ketara dapat dilihat di antara 13 aspek yang teratas tersebut dengan keberkesanan dalam aspek kemampuan mengerjakan haji.

KESIMPULAN

Secara umum didapati pengetahuan mereka tentang aspek pendakwaan berada pada tahap yang tinggi. Setiap badan dakwah berjaya mendekati saudara baru dengan kaedah dan pendekatan masing-masing dalam aspek pengetahuan pendakwah tentang konsep dakwah, majoriti mereka memahami tanggungjawab berdakwah serta perkara-perkara yang berhubung kait dengan diri pendakwah. Dalam aspek metodologi dakwah dapat diklasifikasikan kepada dakwah umum, dakwah alternatif dan dakwah moden. Dalam aspek pendekatan dakwah umum, kader-kader dakwah didapati lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan melalui nasihat diikuti pendekatan melalui

perbincangan, perbuatan, bimbingan solat, bimbingan al Qur'an dan contoh teladan. Dalam aspek pendekatan dakwah alternatif, kader-kader dakwah didapati lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan melalui sistem pendidikan Manakala dalam aspek pendekatan dakwah moden, kader-kader dakwah didapati lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan melalui program lawatan atau ziarah. Dalam aspek pengisian dakwah, didapati kecenderungan badan-badan dakwah dengan mengutamakan pengisian program dakwah yang berbentuk ceramah agama.

Dari aspek peranan badan-badan dakwah, didapati telah menunaikan tanggungjawab berdakwah melalui program-program dan aktiviti yang diatur secara berkala dan sistematik sama ada secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Dalam aspek permasalahan yang dihadapi kader-kader dakwah faktor lokasi dakwah yang jauh menunjukkan peratusan yang agak tinggi. Begitu juga dengan masalah-masalah utama lain antaranya kekurangan kakitangan, tiada peruntukan disediakan dan terlibat dengan tugas-tugas pentadbiran. Di samping itu masalah-masalah lain seperti tiada kursus atau latihan dakwah, masalah keluarga, jahil dengan ilmu dakwah, tiada kerjasama daripada etnik sasaran (mad'u) dan terima ugutan dari agama Kristian atau kepercayaan lain juga wajar diberi perhatian dan diatasi oleh kader-kader dakwah atau badan-badan dakwah yang berkaitan serta perlu mendapat sokongan padu daripada banyak pihak.

Kejayaan badan-badan dakwah menyampaikan dakwah tidak hanya dinilai berdasarkan pencapaian menarik masyarakat bukan Islam kepada Islam tetapi turut diberi perhatian dalam aspek penerimaan dan keberkesanan ajaran yang disampaikan kepada mereka. Kesan yang diperolehi menunjukkan terdapat usaha-usaha positif yang dilaksanakan oleh badan-badan dakwah antaranya kemampuan pendakwah memahami bahasa dan budaya tempatan, peranan positif yang ditonjolkan badan-badan dakwah dalam usaha dakwah, fungsi dan peranan surau yang dijadikan sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran ilmu pendidikan Islam, interaksi baik yang terjalin antara etnik Penan Bukan Islam dengan etnik Penan Islam, hubungan yang terjalin erat antara ahli keluarga meskipun ada sanak saudara atau ahli keluarga mereka sendiri yang berlainan agama, kemampuan berpuasa, kefahaman rukun iman dan rukun Islam yang baik, penerimaan Islam, kebolehan dan kemahiran membaca al Qur'an meskipun dalam bentuk sederhana, persepsi positif di kalangan etnik Penan Bukan

Islam terhadap Islam dan keupayaan mengerjakan solat dan kemampuan mengeluarkan zakat, namun sebaliknya dalam aspek kemampuan saudara kita mengerjakan haji. Walau bagaimanapun dapatan ini menunjukkan bahawa adanya usaha-usaha dakwah yang dijalankan oleh kader-kader dakwah dan badan-badan dakwah dalam memastikan Islam disebarluas di bumi Kenyalang ini.

RUJUKAN

- Abd.Aziz B.Mohd Zin. (2000). *Hubungan Dakwah Dengan Ahli Korporat. Jurnal Usuluddin*. Bil.11.
- _____. (2000). *Sasaran Dakwah Pada Masa Nabi Muhammad s.a.w : Kajian Terhadap Sistem Kepercayaan. Jurnal Usuluddin*. Bil.1.
- _____. (1995). *Sasaran Dakwah Non Muslim Di Malaysia : Suatu Kajian Tentang Keadaan Orang Asli Di Perkampungan Orang Asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor. Jurnal Usuluddin*. Bil.2.
- Abd.Kadir Muhammad. (1995). *Perceraian Di Sarawak. Jurnal Syariah*. Jil.3.
- Adana b.Hj.Jed. (2000). *Perkembangan Dakwah Di Sarawak :Satu Kajian Tentang Metodolog Dakwah*. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Affida Bt.Helmi. (1991). *Metod Dakwah Di Kalangan Masyarakat Dayak Di Sarawak : Satu Kajian Di Bahagian Pertama* . Tesis Sarjana Muda, Jabatan Dakwah Dan Falsafah Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Mukarom Sunaryo B.Hilal. (2012). Tokoh Agama dan Dakwah. Temu bual 29 November
- Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2012). Islam Di Kalangan Masyarakat Penan Bahagian Bintulu Sarawak. Anjuran UiTM Sarawak. *Prosiding Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo 2008*. 27-28 Februari
- Ali Fathullah Haron. Mudir Madrasah Al Qur'an, Bintulu, Temu bual 28 Oktober 2012.
- Amphini B.Rambli. (2012). *Keperluan Bantuan Kewangan Untuk 'Saudara Kita'*. Penduduk Kampung Penan Bt.12 ½. pada Temu bual, 28.3.2007.
- Anis Hj.Abot. (1989). *Peranan Pegawai Islam Di Sarawak Dalam Dakwah Bersepadu*. Kertas kerja Muzakarah Pegawai Kanan Islam Negeri Sarawak. Bintulu, 17-19 Februari.
- Ariffin B.Sabeli. (2012). Bintulu. Sarawak. Temu bual, 10 September.
- Buku Taklimat Bahagian Pendidikan Islam Kpd YB Datuk Abdullah Ahmad Badawi .1984. Bahagian Pendidikan Islam KPM. Kuala Lumpur, 23.Ogos.

- Ismawi B.Ishak. (2012). Penolong Pegawai Tadbir HIKMAH Cawangan Bintulu. Temu bual 30 November.
- Johari Bojeng. (1979). *Memperingati Ulamak-ulamak Sarawak*. Kertas Kerja Seminar Memperingati Sepuluh Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu 1969-1979. Terbitan BINA Sarawak, Kuching
- Kamaluddin B.Zakaria& Yazman Haris B.Yahya. (2008). *Peranan JKIM Dalam Dakwah*. Temu bual.. 31 November
- Khalipah B. Juli. (2012). Pegawai Agama Islam (JAIS) Bahagian Bintulu Sarawak .Temu bual 2.November .
- Maori B.Talaha. (2012). Kampung Penan Yuh. Temu bual, 29 Mac.
- Maufal Mawing. (2012). Penan Bt.12 ½. Temu bual, 28 Mac.
- Meriam Bt.Othman. (2010). Penggerak Masyarakat JAKIM, Temu bual 29 November.
- Mohd Azhar B.Osman. (2010). *Bilangan Sekolah SMK dan SRK di Bahagian Bintulu*. Temu bual, 19 Mac 2007.
- Mohd Jaafar Osman. (2010). Bahagian Bintulu. Temu bual, 8 Februari.
- Mohd Nor B.Ngah. (1983). *Kitab Jawi : Islamic Thought Og The Malay Muslim Scholar*. Singapura : Penerbit Institute Of Southest Asian Studies.
- Muda @ Ismail Ab.Rahman. (2007). *Membangun Bersama Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Agama Dan Pembangunan III. Anjuran Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, FPI, UKM dengan kerjasama KUIS, UM, IAIN. Terbitan Jabatan Usuluddin Dan Falsafah UKM. 6-7 Ogos
- Mukkarom B. Hilal. (2012). Tokoh Agama Dan Pendakwah. *Peranan Institusi Dakwah Bahagian Bintulu*. Temu bual 30 November.
- S.Q Fatimi. (1963). *Islam Comes To Malaysia*, Singapura: Penerbit Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Sahih Muslim. (1980). *Kitab Al Iman, Bab Al Kawn Al Nahyi Al Munkar Min Al Iman*. No.Hadith 49. Arab Saudi Penerbit Dar Al Ifla.
- Yusof al Qardhawi. (1978). *Thaqafat al al Dakwah al Da'yah*. Beirut.
- Zulkiplie Abd.Ghani. (2002). *Dakwah Terhadap Golongan Bermasalah Di Penjara. Wahana Ilmiah Dakwah Kepada Masyarakat Muslim Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. UKM

Dr. Ahmad Nasir B.Mohd Yusoff (Pensyarah Kanan)
Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
43400, Serdang, Selangor
E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my